

# KHAZANAH NASIONAL

Polisi Pelaburan Bertanggungjawab


## **Kandungan**

	Halaman
1. Tujuan dokumen	3
2. Prinsip pelaburan bertanggungjawab	3
3. Pendekatan pelaburan bertanggungjawab	4
4. Tadbir urus pelaburan bertanggungjawab	6
5. Kawalan dan penyelenggaraan	7
Lampiran	8 - 10

Polisi Pelaburan Bertanggungjawab (RI) ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa selari dengan usaha kami untuk menambahbaik pendekatan kami dengan mengambil kira pertimbangan tadbir urus, alam sekitar, dan sosial dalam proses penghasilan keputusan pelaburan dalam pelbagai sektor dan kelas aset.

## 1. Tujuan dokumen

**1.1 Tujuan** Polisi Pelaburan Bertanggungjawab (RI) ini adalah untuk menggariskan prinsip dan komitmen Khazanah berkaitan pelaburan bertanggungjawab. “Pelaburan bertanggungjawab” adalah pelaburan yang bertujuan untuk menjana pulangan kewangan sambil menguruskan risiko dengan lebih baik serta menjana nilai jangka panjang yang mampan. Polisi ini menjadi asas kepada falsafah pelaburan kami dalam Penyata Polisi Pelaburan.



## 2. Prinsip pelaburan bertanggungjawab

**2.1.** Polisi RI didasari oleh mandat pelaburan Khazanah yakni untuk meningkatkan aset dan hasil pembangunan ekonomi negara secara mampan bagi memastikan generasi masa kini dan akan datang mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan mereka.

**2.2.** Umum menerima prinsip pelaburan secara bertanggungjawab yang memberi pertimbangan kepada faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dapat menyumbang kepada peningkatan pengurusan risiko dan menjana pulangan jangka panjang secara mampan.

Sebagai sebahagian daripada prinsip tersebut, kami percaya bahawa masa depan tenaga kerja, masyarakat dan ekonomi terkesan hasil daripada faktor-faktor yang kompleks dan tidak menentu pada masa sekarang seperti kekurangan sumber, perubahan teknologi, keadaan persekitaran dan jurang pendapatan. Syarikat yang mempertimbangkan dan bertindak balas terhadap persekitaran operasi ini menerusi pertimbangan ESG akan memastikan keperluan masa kini tidak akan menjelaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka dan menjadi lebih mampan dan berprestasi tinggi dalam jangka masa panjang.

**2.3.** Oleh itu, pertimbangan risiko ESG dan peluang dalam proses pelaburan dan penghasilan keputusan di Khazanah adalah selaras dengan tanggungjawab kami kepada generasi masa kini dan akan datang. Lampiran 1 membincangkan prinsip pelaburan bertanggungjawab kami melalui perspektif yang menyeluruh meliputi semua pihak berkepentingan kami.

**2.4.** Selari dengan perkara di atas, kami tidak akan melabur dalam syarikat yang tidak selari dengan komitmen kami terhadap pelaburan bertanggungjawab, termasuk syarikat yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:

- a. Produk atau aktiviti yang menyalahi undang-undang di negara asal;
- b. Aktiviti berulang dan tidak dibendung berkaitan buruh paksa, buruh kanak-kanak yang meletakkan golongan tersebut dalam bahaya atau pemerdagangan manusia;
- c. Pencabulan serius terhadap hak individu dalam situasi peperangan dan/atau konflik;
- d. Aktiviti berulang dan tidak dibendung berkaitan kerosakan alam sekitar yang teruk;
- e. Aktiviti berulang dan tidak dibendung berkaitan rasuah, pecah amanah atau pengubahan wang haram;
- f. Penghasilan alkohol, tembakau atau operasi perjudian;
- g. Pengeluaran, pengedaran atau operasi lain yang berkaitan dengan senjata dan peralatan ketenteraan yang dilarang di bawah konvensyen antarabangsa yang mana Malaysia terlibat; atau
- h. Produk, aktiviti atau sektor lain yang dilarang di bawah dasar negara.

**2.5.** Prinsip pelaburan bertanggungjawab Khazanah adalah selari dengan prinsip pelaburan bertanggungjawab rangkaian kami serta kod normatif yang kami pegang. Kami mematuhi Prinsip PBB berkaitan Pelaburan Bertanggungjawaw ("PRI"), Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi dan Prinsip Santiago. Rujuk Lampiran 2 bagi butiran komprehensif prinsip-prinsip tersebut.

### **3. Pendekatan pelaburan bertanggungjawab**

**3.1.** Pendekatan kami memberi panduan tentang bagaimana kami menggunakan prinsip pelaburan bertanggungjawab kami. Kami berhasrat untuk memasukkan pelaburan bertanggungjawab dalam proses pelaburan dan penghasilan keputusan, termasuk:

- a. Mengambil kira isu ESG dan pertimbangan beretika sebelum membuat sebarang keputusan untuk melabur;
- b. Mengambil kira pertimbangan ESG dalam pemantauan pelaburan kami;
- c. Melaksanakan hak pemegang saham kami untuk meningkatkan amalan perniagaan bertanggungjawab terhadap syarikat pelaburan kami, jika berkenaan;
- d. Menggabungkan keperluan ESG dalam perjanjian kontrak dengan pengurus pelaburan luar dan;
- e. Melaporkan aktiviti dan hasil pelaburan bertanggungjawab kepada pihak berkepentingan utama.

**3.2.** Kami berusaha untuk memegang teguh kepada prinsip dan pragmatik dengan mengambil kira perbezaan antara Dana Komersial dan Dana Strategik, seperti mandat pelaburan, jangka pelaburan, tahap pengaruh dan kelas aset. Sejauh mana kami mengintegrasikan pelaburan bertanggungjawab dalam proses dan penghasilan keputusan adalah berdasarkan kepada faktor tersebut.

**3.3.** Sekiranya syarikat di bawah portfolio kami mendedahkan isu ESG, pendekatan yang diambil oleh Khazanah secara amnya adalah seperti berikut:

- **Dilaporkan untuk tindakan:**
  - Pelanggaran ESG oleh syarikat akan dilaporkan untuk tindakan Pengurusan oleh pihak yang bertanggungjawab atas pelaburan bertanggungjawab, tertakluk kepada tahap signifikan isu tersebut
- **Percubaan dan/atau libat urus:**
  - Syarikat terbabit boleh diletakkan bawah pemerhatian khusus dalam tempoh percubaan yang munasabah
  - Jika kami mempunyai pengaruh, isu yang berpotensi untuk dilaksanakan langkah-langkah pembetulan boleh ditangani menerusi pelaksanaan hak pemilikan atau sebarang bentuk libat urus lain dengan pihak pengurusan, untuk merumuskan dan melaksanakan pelan penambahbaikan
- **Pelupusan:**
  - Dalam keadaan di mana sesuatu isu itu kian meruncing tetapi masih berada di bawah paras minimum boleh diterima, syarikat terbabit boleh dilupuskan mengikut budi bicara Pengurusan dan/atau Lembaga

#### **4. Tadbir urus pelaburan bertanggungjawab**

**4.1.** Pelaksanaan dan pengawasan pelaburan bertanggungjawab dalam Khazanah diuruskan di pelbagai peringkat melalui fungsi berikut:

Fungsi Pelaburan	Fungsi Pelaburan Bertanggungjawab	Fungsi Pengurusan [Jawatankuasa Pelaburan]	Fungsi EXCO/ARC
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menilai faktor ESG dan pertimbangan etika dalam penghasilan keputusan dan pemantauan pelaburan</li> <li>● Memastikan peruntukan ESG dalam dokumentasi pelaburan</li> <li>● Terlibat dengan pengurusan syarikat pelaburan dalam isu ESG</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Merangka dan melaksanakan pelan pelaburan bertanggungjawab sejajar dengan polisi tersebut</li> <li>● Menguatkuasakan polisi pelaburan bertanggungjawab dan mengenal pasti respon yang berpotensi, atau mengangkat naik isu bukan permatuhan kepada Pengurusan dan ARC jika diperlukan</li> <li>● Menerajui pembangunan pengetahuan dan latihan mengenai pelaburan bertanggungjawab</li> <li>● Menguruskan aktiviti hubungan pelabur berkaitan ESG, termasuk keahlian dan rangkaian kami</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengintegrasikan prinsip pelaburan bertanggungjawab ke atas strategi korporat</li> <li>● Membincangkan respon yang sesuai terhadap isu ESG yang telah dilaporkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meluluskan polisi pelaburan bertanggungjawab</li> <li>● Membincangkan respon yang sesuai terhadap isu ESG yang dilaporkan</li> <li>● Bertanggungjawab terhadap pengawasan dan akauntabiliti</li> </ul>

## **5. Kawalan dan penyelenggaraan**

Polisi ini adalah milik Khazanah Nasional Berhad. Pasukan Pelaburan Bertanggungjawab adalah pihak yang bertanggungjawab atas polisi ini dan penyelenggaraannya. Segala pindaan yang dibuat terhadap polisi ini akan direkodkan. Maklumat yang relevan seperti nombor kawalan versi dokumen, tarikh pindaan dan peruntukan yang dipinda akan direkodkan dalam jadual pindaan berikut.

Nombor Versi	Tarikh	Dikeluarkan		Dimasukkan	
		Peruntukan	Ulasan (halaman)	Peruntukan	Ulasan (halaman)
1.0	17/06/19				

## **Lampiran 1**

Kami melihat pelaburan yang bertanggungjawab melalui perspektif yang menyeluruh meliputi semua pihak berkepentingan kami.

### **a. Pengurusan**

Sebagai pelabur, kami mengharapkan syarikat pelaburan kami memegang teguh kepada rangka kerja tadbir urus korporat yang bertujuan untuk mencatatkan prestasi kewangan yang mampan dan tatacara perniagaan bertanggungjawab. Peranan pengurusan adalah penting untuk mengekalkan integriti pada tahap yang tinggi, mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan, dan komitmen terhadap polisi perniagaan yang inklusif dan mampan.

### **b. Pekerja**

Pekerja adalah aset sesebuah organisasi, melaksanakan operasi harian yang membolehkan organisasi berfungsi dan berkembang. Kami percaya bahawa strategi modal insan yang berkesan termasuk menggalakkan penyertaan dan kepelbagaiannya untuk menggalakkan inovasi, menyediakan peluang belajar untuk meningkatkan kemahiran, memupuk budaya kerja positif, dan memberi pampasan kepada pekerja secara adil untuk memacu produktiviti. Apabila teknologi berkembang melalui inovasi, perniagaan juga perlu melabur dalam tenaga kerja masa depan.

### **c. Pelanggan**

Kami percaya bahawa perniagaan yang secara konsisten memberikan produk dan perkhidmatan yang kompetitif dan berkualiti tinggi dan mencapai kepuasan pelanggan yang tinggi akan mendapat manfaat daripada kesetiaan pada jenama yang kukuh dan peningkatan pasaran saham. Ini memerlukan komitmen yang berterusan bagi inovasi produk atau penawaran perkhidmatan, mengukur dan menyampaikan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang serta sentiasa menjaga prestasi yang tinggi pada setiap masa.

### **d. Pembekal**

Kami percaya bahawa perniagaan mesti sentiasa telus dan saksama dalam pemilihan pembekal, vendor dan rakan kongsi. Kami juga percaya bahawa perniagaan yang bertanggungjawab akan memastikan penjajaran dalam falsafah yang mampan dan bertanggungjawab dalam rantai bekalan.

### **e. Alam Sekitar**

Kami percaya bahawa adalah menjadi kewajipan semua untuk menguruskan sumber semula jadi dengan cekap dan komited untuk memelihara sumber dengan sebaik mungkin. Organisasi yang bertanggungjawab akan sentiasa menilai potensi kesan alam sekitar daripada keputusan perniagaannya dan mencari kaedah alternatif untuk mengurangkan atau mengimbangi sebarang kesan negatif.

### **f. Masyarakat**

Mengamalkan nilai-nilai sosial yang bertanggungjawab adalah penting untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat yang lebih luas dan lesen sosial untuk beroperasi. Semua kelakuan dan keputusan perniagaan tidak seharusnya memberi kesan buruk kepada masyarakat sekarang atau masa hadapan. Sebaliknya, syarikat digalakkan untuk “Berbuat Baik”, menjangkaui

keuntungan kewangan untuk meningkatkan pembangunan masyarakat apabila mereka mempunyai peluang untuk berbuat demikian.

## Lampiran 2

**a) *Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (“PRI”).***

Prinsip-prinsip tersebut memerlukan penandatangan kepada:

- Prinsip 1: Menggabungkan isu ESG ke dalam analisis pelaburan dan proses penghasilan keputusan.
- Prinsip 2: Menjadi pemilik aktif dan merangkumkan isu ESG ke dalam polisi dan amalan kami.
- Prinsip 3: Mendapatkan pendedahan yang bersesuaian mengenai isu ESG dengan entiti yang kami melabur.
- Prinsip 4: Menggalakkan penerimaan dan pelaksanaan Prinsip dalam industri pelaburan.
- Prinsip 5: Bekerjasama untuk meningkatkan keberkesanan dalam melaksanakan Prinsip.
- Prinsip 6: Melaporkan aktiviti dan kemajuan kami ke arah melaksanakan Prinsip.

**b) *Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi***

- Prinsip 1: Mendedahkan Polisi Kepimpinan
- Prinsip 2: Memantau Syarikat Pelaburan
- Prinsip 3: Libat Urus dengan Syarikat Pelabur
- Prinsip 4: Menguruskan Konflik Kepentingan
- Prinsip 5: Menggabungkan Pertimbangan Kemampanan
- Prinsip 6: Menerbitkan Polisi Pengundian

**c) *Prinsip Santiago*, yang bertujuan untuk:**

- Mengekalkan sistem kewangan global yang stabil serta aliran modal dan pelaburan yang bebas.
- Mematuhi semua keperluan pengawalseliaan dan pendedahan yang ada di negara-negara yang mana SWF melabur.
- Memastikan SWF melabur berdasarkan risiko ekonomi dan kewangan serta pertimbangan yang berkaitan dengan pulangan.
- Memastikan SWF mempunyai struktur tadbir urus yang telus dan kukuh yang menyediakan kawalan operasi yang mencukupi, pengurusan risiko dan akauntabiliti.